

15 FEB 1999

Sabah-Penggiliran

KENYATAAN DR MAHATHIR MENGENAI PENGGILIRAN JAWATAN PERJELAS PENDIRIAN BN

KOTA KINABALU, 15 Feb (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penerusan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah telah menjelaskan pendirian Barisan Nasional (BN) berhubung dengan isu itu, kata Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini.

"Sekarang ini kita telah mendapat pendirian jelas daripada Dr Mahathir sendiri selaku Pengerusi BN dan saya fikir pihak tertentu di Sabah tidak perlu tertanya-tanya lagi," katanya ketika ditemui di sini.

Ketika ditemui pemberita sekembalinya dari menghadiri Sidang Kemuncak G15 di Montego Bay, Jamaica hari ini, Perdana Menteri berkata BN akan meneruskan sistem penggiliran jawatan ketua menteri Sabah mengikut kaum jika memperolehi semula mandat rakyat pada pilihan raya negeri ini.

Menurut Dr Mahathir, sistem itu diteruskan kerana ia terbukti berjaya kerana diterima rakyat Sabah.

Dompok berkata: "Ini ialah pengumuman yang boleh menjelaskan perkara ini."

Sistem itu dicadangkan Perdana Menteri menjelang pilihan raya negeri 1994 bagi memberi peluang kepada tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri, masing-masing untuk tempoh dua tahun.

Dompok yang juga Pengerusi BN Sabah berkata, BN Sabah sebenarnya tidaklah begitu heboh untuk meminta Perdana Menteri menjelaskan perkara ini kerana BN Sabah sudah diberitahu bahawa sistem itu akan diteruskan.

"Bagaimanapun, pihak tertentu telah menimbulkan isu itu dan dengan penjelasan Perdana Menteri ini, saya fikir perkara ini tidak lagi menjadi tanda tanya di kalangan rakyat Sabah," kata beliau.

Ditanya pendapat beliau mengenai sistem itu, Dompok berkata, ia telah mewujudkan kestabilan serta memperkukuhkan lagi peranan kabinet negeri.

"Perkara penting yang dahulu hanya diputuskan oleh Ketua Menteri kini dikemukakan kepada Kabinet. Sistem ini juga mendatangkan keharmonian di Sabah kerana tiga kaum utama di Sabah berpeluang menerajui kerajaan negeri," katanya.

Mengenai dakwaan pembangkang kononnya sistem itu tidak mengikut perlembagaan, Dompok berkata, Perlembagaan Negeri memperuntukkan bahawa ketua menteri dilantik dari ketua parti yang memperolehi majoriti dalam Dewan Undangan Negeri.

"Kita adalah anggota BN dan siapa juga yang dilantik mengetuai BN negeri layak dipilih sebagai Ketua Menteri," katanya.

Sementara itu, Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) Datuk Pandikar Amin Haji Mulia akur dengan keputusan kepimpinan BN dan berpendapat sistem penggiliran jawatan itu kini diterima rakyat Sabah.

"Sebagai sebuah parti kecil dalam komponen BN, kita akur dengan apa saja keputusan kepimpinan BN demi kepentingan rakyat Sabah," katanya ketika dihubungi di sini.

Katanya, sistem itu benar-benar membuktikan adanya perkongsian kuasa antara tiga suku kaum besar di negeri ini iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Beliau berharap ketua menteri yang dilantik dari satu-satu kaum itu tidak mengabaikan kepentingan masyarakat dan suku kaum lain semasa menerajui kerajaan negeri.

-- BERNAMA

JS NZ FAZ

